

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(IX)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

12. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah rancangan memulihkan ekonomi negeri setelah Wabak COVID-19 terutama dari sudut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pelaburan Luar Asing dan perkembangan Industri Pembuatan dan Pelancongan.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Di antara pendekatan dan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Invest Penang dalam memulihkan ekonomi negeri terutama dari sudut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pelaburan Luar Asing dan perkembangan Industri Pembuatan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19, adalah seperti berikut:-

- (i) Menjalankan aktiviti promosi pelaburan, termasuk misi luar negeri, untuk bertemu dengan pelabur-pelabur potensi dan sedia ada untuk meneroka peluang pelaburan di Pulau Pinang;
- (ii) Mengadakan program untuk meningkatkan rantaian bekalan (*enhance the supply chain*) di Pulau Pinang, termasuk "Hari Pembekal" (*Supplier Day*) untuk pemanfaatan perniagaan (*business matching*). Program ini boleh membantu syarikat-syarikat multinasional untuk mendapat sumber bahan (*raw material*) di Pulau Pinang dan boleh membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana untuk menembusi rangkaian bekalan syarikat-syarikat multinasional; dan

- (iii) Menganjurkan program berkaitan sumber manusia untuk industri perkhidmatan perniagaan global (*Global Business Services*, [GBS]).

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang menyeluruh dengan jumlah dana RM75 juta pada 25 Mac 2020. Pakej rangsangan yang berkaitan secara langsung dengan sektor industri antara lainnya adalah seperti berikut:-

- (i) Menyediakan Skim Peka PKS melalui PDC, iaitu satu skim pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia diwujudkan di bawah pakej rangsangan ekonomi negeri Pulau Pinang pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan menyediakan pinjaman modal pusingan tanpa faedah secara cepat kepada IKS dan PKS yang terjejas teruk akibat PKP bagi memastikan kelangsungan perniagaan selepas tempoh kesukaran ini;
- (ii) Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri yang melibatkan bayaran cukai petak atau cukai tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020; dan
- (ii) Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani dan Pinjaman Penuntut selama tiga bulan.

Dari segi pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Penang State Exco for Tourism Development, Arts, Culture and Heritage (PETACH) dan Penang Global Tourism (PGT) telah mengambil langkah-langkah bagi membantu sektor pelancongan yang terjejas akibat situasi pandemik COVID-19 seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti hotel penginapan, ejen – ejen pelancongan, Association of Tourism Attractions Penang (ATAP), MOTAC, Tourism Malaysia, syarikat penerbangan, MAHB dan Penang Port untuk menghasilkan rangka kerja Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan;

- (ii) Mempromosikan pelancongan domestik dengan mengadakan pameran *roadshow* di Kuala Lumpur seperti kempen Penang Lang 50% diskaun yang diadakan oleh Association of Tourism Attractions Penang (ATAP);
- (ii) Membangunkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat melalui kerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti syarikat penerbangan, hotel penginapan, destinasi tarikan, ejen pelancongan yang mengadakan pakej pelancongan di Pulau Pinang yang lumayan; dan
- (iv) Kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan untuk memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa.